



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK SITE123 TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN JENIS FAKTA MURID TINGKATAN EMPAT



05-4506832



Hidayatul Ajmal Binti Tholibon



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK SITE123
TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN JENIS FAKTA
MURID TINGKATAN EMPAT**

HIDAYATUL AJMAL BINTI THOLIBON



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) Mei (bulan) 2023

Perakuan Pelajar:

Saya, HIDAYATUL AJMAL BINTI THOLIBON, M20201000617 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK SITE123 TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN JENIS FAKTA MURID TINGKATAN EMPAT adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROFESSOR MADYA DR. ZULKIFLI BIN OSMAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK SITE123 TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN JENIS FAKTA MURID TINGKATAN EMPAT dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU).

16 Mei 2023
Tarikh



Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR. ZULKIFLI HJ. OSMAN
Pensyarah
Jabatan Bahasa & Kesusastraan Melayu
Fakulti Bahasa & Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK SITE123 TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN JENIS FAKTA MURID TINGKATAN EMPAT

No. Matrik / Matic's No.: M20201000617

Saya / I: HIDAYATUL AJMAL BINTI THOLIBON

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 16.05.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





ABSTRAK

Kajian dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pembelajaran berdasarkan projek (PBP) *Site123* terhadap pencapaian penulisan karangan jenis fakta murid tingkatan empat. Objektif kajian pertama adalah mengkaji tahap karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan secara keseluruhan. Objektif kajian kedua adalah mengenal pasti tahap karangan murid berdasarkan wacana dan pemerengganan karangan dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan. Objektif kajian ketiga adalah mengkaji perbezaan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah yang digunakan berbentuk eksperimen kuasi. Seramai 60 orang responden iaitu murid tingkatan empat terlibat dalam kajian ini dari salah sebuah sekolah menengah di daerah Kampar, Perak. Responden kajian ialah kumpulan murid yang telah dikenal pasti dan ditentukan oleh pihak sekolah (*intact group*) dan setara dari aspek pencapaian, umur serta aliran. Kumpulan pertama merupakan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional manakala kumpulan kedua merupakan kumpulan rawatan yang menggunakan PBP *Site123* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) karangan. Markah praujian dan pascaujian dianalisis menggunakan statistik ujian-T dalam program *Statistical Package for Social Science 26.0*. Dapatan kajian menunjukkan tahap karangan murid meningkat daripada tahap memuaskan kepada tahap baik dalam kumpulan rawatan. Skor min pascaujian bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (42.73) berbanding praujian (33.43) bagi kumpulan yang sama sekaligus menunjukkan peningkatan tahap karangan selepas menggunakan PBP *Site123*. Dapatan yang sama juga menunjukkan PBP dapat meningkatkan skor karangan dengan lebih signifikan($t=0.00$) berbanding pendekatan konvensional ($t=0.52$) sekaligus menunjukkan kumpulan rawatan berprestasi baik berbanding kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini memberi implikasi dalam amalan PdP semasa. PBP *Site123* merupakan pendekatan yang sesuai digunakan oleh guru kerana mampu meningkatkan markah karangan murid secara signifikan. Guru Bahasa Melayu boleh menggunakan PBP *Site123* sebagai pendekatan yang mampu membantu murid untuk mengarang dengan lebih baik terutama karangan jenis fakta.





THE EFFECTIVENESS OF PROJECT-BASED LEARNING BY USING SITE123 TOWARDS THE PERFORMANCE OF FACTUAL-TYPE ESSAY WRITING AMONG FORM FOUR STUDENTS

ABSTRACT

This study was conducted to identify the effectiveness of project -based learning (PBP) approach by using Site123 towards the performance of factual type essay writing among form 4 students. The objective of the first study was to examine the performance level of students' essays in pre -test and post -test for control group and treatment group as a whole. The objective of the second study was to examine the differences in the mean scores of students' essays in the pre -test and post -test for the control group and the treatment group. The study was conducted using a quantitative approach. The method used is in the form of a quasi-experiment. A total of 60 respondent of Form 4 students were involved in this study from one of the secondary schools in the district of Kampar, Perak. The study respondent is a group of students who have been identified and determined by the school (intact group) and equivalent in terms of achievement, age as well as stream. The first group was a control group using traditional methods while the second group was a treatment group using PBP Site123 approach in teaching and learning essays. Pre-test and post-test scores were analyzed using Statistical Package for Social Science 26.0 which is T-test statistics. The findings revealed that the post-test mean score for the treatment group was higher(42.73) than the pre-test(33.43) for the same group as well as showing a significant improvement in the performance level of essay after using PBP Site123. The same findings also showed that PBP can increase the essay score more significantly ($t=0.00$) compared to the conventional approach ($t=0.52$) and showing that the treatment group performed better than the control group. The findings of this study have implications in current teaching practice. PBP Site123 is an appropriate approach used by teachers because it can significantly increase students' essay scores. Teachers of Malay language subjects can use PBP Site123 as an approach that can help students to compose better, especially factual type essays.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	Error! Bookmark not defined.
--------------------	-------------------------------------

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---

KANDUNGAN	vi
------------------	----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----



SENARAI SINGKATAN	xvii
--------------------------	------

BAB 1	PENGENALAN	1
--------------	-------------------	----------

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	1
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	5
------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	8
---------------------	---

1.5 Soalan Kajian	9
-------------------	---

1.6 Hipotesis Kajian	9
----------------------	---

1.7 Kerangka Konseptual	10
-------------------------	----

1.8 Kepentingan Kajian	11
------------------------	----





1.9	Batasan Kajian	13
1.10	Definisi Operasional	15
1.10.1	Kemahiran Menulis	15
1.10.2	Penulisan Karangan Fakta	16
1.10.3	Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)	16
1.10.4	Pembelajaran Konvensional	18
1.10.5	Tahap Pencapaian Karangan	18
1.10.6	Perbezaan Pencapaian Karangan	19
1.11	Rumusan	19
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Kemahiran Abad Ke-21	21
2.3	Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)	23
2.4	Model Learning by Doing	30
2.5	Kemahiran Menulis	33
2.6	Penulisan Karangan	35
2.7	Prinsip Penulisan Karangan	36
2.8	Penilaian Karangan Jenis Fakta Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	39
2.9	Kesan Pendekatan Berasaskan Projek (PBP) <i>Site123</i> dalam Pengajaran Bahasa	40
2.10	Rumusan	49
BAB 3	METODOLOGI	50





3.1	Pendahuluan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Pensampelan	53
3.4	Instrumen Kajian	54
3.4.1	Kertas Praujian	54
3.4.2	Kertas Pascaujian	55
3.4.3	Tahap Penskoran Karangan	56
3.4.4	Rubrik Projek <i>Site123</i>	60
3.5	Kesahanan dan Kebolehpercayaan	61
3.5.1	Kajian Rintis	62
3.6	Pengumpulan Data	64
3.7	Analisis Data	66
3.8	Modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	68
3.8.1	Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)	68
3.8.1.1	Persoalan Utama	69
3.8.1.2	Perancangan	70
3.8.1.3	Penjadualan	70
3.8.1.4	Pemantauan	71
3.8.1.5	Penilaian	71
3.8.2	Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) <i>Site123</i> dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	72
3.8.2.1	Persoalan Utama	72





3.8.2.2	Perancangan	73
3.8.2.3	Penjadualan	74
3.8.2.4	Pemantauan	74
3.8.2.5	Penilaian	75
3.9	Rumusan	76
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	77
4.1	Pendahuluan	77
4.2	Tahap Karangan Murid dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	78
4.3	Tahap Karangan Murid Berdasarkan Aspek Wacana dan Pemerengganan dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	89
4.4	Perbezaan Skor Min Karangan Murid dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	98
4.4.1	Ho1: Tidak Terdapat Perbezaan Min yang Signifikan dalam Praujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	98
4.4.2	Ho2: Tidak Terdapat Perbezaan Min yang Signifikan dalam Praujian dan Pascaujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat bagi Kumpulan Kawalan	100
4.4.3	Ho3: Tidak Terdapat Perbezaan Min yang Signifikan dalam Praujian dan Pascaujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat bagi Kumpulan Rawatan	101
4.4.4	Ho4: Tidak Terdapat Perbezaan Min yang Signifikan dalam Pascaujian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	102
4.5	Rumusan	103



**BAB 5****RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN 104**

5.1 Pendahuluan	104
5.2 Rumusan Dapatan	105
5.2.1 Tahap Penulisan Karangan secara Keseluruhan	107
5.2.2 Tahap Penulisan Karangan Berdasarkan Aspek Wacana dan Pemerengganan	107
5.2.2.1 Tahap Penulisan Karangan Berdasarkan Aspek Wacana	108
5.2.2.2 Tahap Penulisan Karangan Berdasarkan Aspek Pemerengganan	108
5.2.3 Perbezaan Pencapaian Skor Karangan	109
5.2.3.1 Perbezaan Pencapaian Karangan Murid Kumpulan Kawalan dan Rawatan sebelum Menggunakan Intervensi (PBP)	109
5.2.3.2 Perbezaan Pencapaian Karangan Murid Kumpulan Kawalan Sebelum dan Selepas Menerima Pembelajaran Konvensional	109
5.2.3.3 Perbezaan Pencapaian Karangan Murid Sebelum dan Selepas Intervensi (PBP) bagi Kumpulan Rawatan	110
5.2.3.4 Perbezaan Pencapaian Karangan Murid dalam Kumpulan Kawalan dan Rawatan Selepas Menerima Intervensi	110
5.3 Perbincangan Dapatan	111
5.3.1 Tahap Karangan Murid secara Keseluruhan berdasarkan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Site123	111





5.3.2	Tahap Karangan Murid Aspek Wacana dan Pemerengganan berdasarkan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) <i>Site123</i>	114
5.3.3	Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) <i>Site123</i> terhadap Skor Penulisan Karangan Murid	116
5.4	Implikasi Kajian	118
5.5	Cadangan Kajian Lajutan	120
5.6	Rumusan	121
RUJUKAN		122
LAMPIRAN		128





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kemahiran Abad ke-21 berdasarkan profil murid	22
2.2 Elemen Utama dalam Pendekatan Projek	28
2.3 Standard Prestasi Kemahiran Menulis	34
2.4 Domain Pembelajaran	40
3.1 Skala Pemarkahan Karangan	57
3.2 Rubrik Penskoran Karangan Respons Terbuka (70markah)	57
3.3 Kriteria Penskoran Karangan secara Keseluruhan	59
3.4 Rubrik Penskoran Karangan Aspek Wacana dan Pemerengganan(70markah)	60
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	66
3.6 Analisis Data	67
4.1 Skor Karangan Murid dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	78
4.2 Tahap Karangan Murid dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan secara Keseluruhan	79
4.3 Perbandingan Min antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan	89
4.4 Skor Karangan Murid dalam Praujian dan Pascaujian Aspek Wacana dan Pemerengganan	90





4.5	Tahap Karangan Murid Aspek Wacana dan Pemerengganan dalam Praujian	91
4.6	Tahap Karangan Murid Aspek Wacana dan Pemerengganan dalam Pascaujian	94
4.7	Perbandingan Min dalam Praujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	99
4.8	Perbandingan Min dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan	100
4.9	Perbandingan Min dalam Praujian dan Pascaujian bagi Kumpulan Rawatan	101
4.10	Perbandingan Min dalam Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	102





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	10
2.1 Fasa-fasa dalam Pendekatan Projek. Diadaptasi daripada Helm dan Katz (2011).	27
2.2 Kerangka Teoretikal kajian	32
3.1 Reka bentuk kajian eksprimen kuasi bagi penyelidikan ini	52
3.2 Langkah Menjalankan PBP	69





SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
3.1 Langkah 1: Persoalan Utama	73
3.2 Langkah 2: Perancangan	73
3.3 Langkah 3: Penjadualan	74
3.4 Langkah 4: Pemantauan	75
4.1 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Rawatan Praujian	80
4.2 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Rawatan Pascaujian (Bersambung)	82
4.3 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Rawatan Pascaujian (Sambungan)	83
4.4 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Kawalan Praujian (Bersambung)	85
4.5 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Kawalan Praujian (Sambungan)	86
4.6 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Kawalan Pascaujian (Bersambung)	87
4.7 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Kawalan Pascaujian (Sambungan)	88
4.8 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Kawalan Praujian Aspek Wacana dan Pemerengganan	92
4.9 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Rawatan Praujian Aspek Wacana dan Pemerengganan	93
4.10 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Rawatan Pascaujian Aspek Wacana, Ayat dan Pemerengganan (Bersambung)	95





4.11 Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Rawatan Pascaujian Aspek Wacana dan Pemerengganan (Sambungan) 96

4.12. Contoh Skrip Jawapan Kumpulan Kawalan Pascaujian Aspek Wacana dan Pemerengganan 97





SENARAI SINGKATAN

BIE	<i>Buck Institute of Education</i>
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JERI	Jasmani, emosi, rohani dan intelek
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Perak
KOMSAS	Komponen Kesusasteraan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LbD	<i>Learning by Doing</i>
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAK21	Pendidikan Abad ke-21
PBL	<i>Project Base Learning</i>
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

SPSS *Statistical Package for Social Science*

TMK Teknologi Maklumat dan Komunikasi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- B Surat Lantikan Pakar
- C Kesahan Instrumen
- D Kertas Praujian
- E Kertas Pascaujian
- F Rancangan Pengajaran Harian
- G Rubrik Projek
- H Analisis Statistik





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang menjelaskan berkaitan bidang pendidikan pada masa kini. Selain itu, pernyataan masalah turut disentuh dalam bab ini berserta tiga objektif kajian. Terdapat tiga soalan kajian dinyatakan dan empat hipotesis kajian yang menjawab soalan kajian ketiga. Kerangka konseptual kajian dipaparkan dalam bab ini termasuklah kepentingan kajian dan batasan kajian. Definisi operasional juga memberi tumpuan kepada definisi beberapa istilah atau pembolehubah yang digunakan dan perkara yang ingin diukur dalam kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada era ini, bidang pendidikan semakin berkembang pesat selari dengan keperluan dan kehendak global. Pada peringkat persekolahan sama ada sekolah rendah mahupun





menengah, perkembangan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) amat diberi penelitian oleh pihak kementerian. Pelbagai dasar pendidikan telah digubal bagi menjamin keunggulan bidang pendidikan di Malaysia. Penyata Razak (1956) dan Akta Pelajaran (1961) merupakan antara dasar pendidikan terawal yang telah digubal untuk mencapai hasrat tersebut. Akta Pelajaran ini pula melahirkan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dikukuh dan dikemas kini dalam sistem pendidikan negara kita. Dasar Pelajaran Kebangsaan ini diolah dan ditambah baik bagi menyesuaikan negara kita dengan perkembangan zaman selain mampu mengisi keperluan negara dan mendorong ke arah perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik.

Bidang pendidikan masa kini seharusnya tertumpu kepada aspek PdP yang seiring dengan sukan pelajaran yang ditetapkan. Peranan dan fungsi guru di bilik darjah menjadi tunjang utama kejayaan sesuatu sesi pembelajaran. PdP ini pula tidak boleh lari dari kehendak Falsafah Pendidikan Negara yang ingin membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Justeru, keberkesanan PdP perlu dijadikan kelangsungan dalam proses pemerolehan ilmu. Rentetan daripada itu, aspek pedagogi perlu diberi penelitian oleh seseorang guru untuk melahirkan murid yang aktif dan positif semasa pembelajaran dalam kelas. Guru perlulah memvariasikan ilmu pedagogi yang diaplikasi dan diamalkan semasa PdP termasuklah memberi keutamaan kepada pemusatan murid dalam kelas.

Dalam usaha menjayakan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah menengah (KSSM), iaitu yang menekankan aspek kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP) merupakan salah satu pendekatan yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Pendekatan ini



menekankan kaedah pengajaran yang perlu diimplementasi oleh guru dalam usaha mewujudkan suasana pembelajaran yang berpusatkan murid seterusnya melahirkan murid yang aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini juga bagi mencapai hasrat kementerian bagi membantu murid menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 ini.

Dalam bahasa Melayu, kemahiran asas yang perlu dikuasai murid selain kemahiran bertutur dan mendengar ialah kemahiran menulis. Abdul Rasid Jamian(2011) menjelaskan keupayaan seseorang dalam kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkap antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan. Penulisan karangan pula merupakan salah satu item yang diuji dalam sukanan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru dapat mengetahui dan menilai tahap penguasaan bahasa murid berdasarkan hasil penulisan karangan mereka. Maka, guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mempelbagaikan pendekatan semasa PdP karangan supaya memberi impak kepada murid dalam menguasai kemahiran menulis dan seterusnya menghasilkan karangan yang berkualiti. Pendekatan pengajaran guru yang sesuai juga perlu dititikberatkan bagi melahirkan penulisan karangan yang menepati standard yang ditetapkan sekali gus melahirkan murid yang aktif semasa proses pembelajaran. Teknik konvensional yang kebiasaannya menjadi amalan guru perlu ditambah baik kepada bentuk dan pendekatan yang lebih interaktif.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013) yang menekankan kepada anjakan dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia, pembelajaran berasaskan projek *Site123* ini dilihat sesuai dikaji kepada murid sekolah menengah bagi meningkatkan tahap pencapaian dalam kemahiran berbahasa terutama penulisan karangan berdasarkan beberapa aspek yang telah dikenal pasti sebagai masalah yang dihadapi murid dalam mengarang.

Dalam penyelidikan ini, semua permasalahan berkaitan difokuskan kepada pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP) dan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta. Pembelajaran berasaskan projek (PBP) merupakan pendekatan pembelajaran yang amat sesuai dilaksanakan oleh guru dalam bilik darjah selari dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21(PAK21). Pembelajaran berasaskan projek (PBP) merupakan pengaplikasian dan penggabungjalinan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah* (KSSM) Bahasa Melayu melalui *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran* (2018) menjelaskan melalui pendekatan ini, maklumat lama dan baharu digunakan oleh murid untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Pendekatan ini memberi ruang kepada guru untuk menilai tahap perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Tahap motivasi murid juga dapat ditingkatkan kerana murid dapat menghasilkan sesuatu produk mengikut kreativiti mereka sendiri. Permasalahan fokus dan berkaitan sering dianggap sebagai isu berterusan yang perlu diselesaikan secara eksperimental. Interpretasi permasalahan berkaitan adalah dalam pernyataan masalah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kelemahan dalam penulisan karangan menyebabkan kegagalan murid yang paling ketara dalam mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan. Berdasarkan penataran format baharu kertas satu Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sebanyak 100 markah diperuntukan bagi item karangan. Item bahagian B iaitu item subjektif respons terbuka memperuntukkan markah yang tinggi iaitu 70 markah. Item ini menguji kemahiran menulis calon terutama menganalisa karangan berbentuk fakta.

Masalah berkaitan pencapaian murid dalam penulisan karangan terutama karangan jenis fakta bukanlah suatu yang baharu. Pencapaian murid dalam karangan Bahasa Melayu masih berada pada tahap memuaskan (Farah Adlina Mokhter, 2019).

Beberapa aspek dinilai dalam menentukan kualiti dan tahap penulisan karangan murid. Wacana merupakan salah satu aspek yang diberi penekanan dalam karangan. Berdasarkan Laporan Kupasan Mutu Jawapan (KMP) bagi kumpulan berprestasi sederhana Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021, calon SPM menghasilkan karangan bahagian B dengan wacana yang kurang lengkap (LPM, 2021). Hal ini merujuk kepada binaan ayat dalam karangan yang masih tergantung dengan mengabaikan binaan subjek dan predikat dalam ayat.

Permasalah murid dalam karangan juga berkait rapat dengan ketidakupayaan dalam membina kepelbagaiannya jenis ayat seperti ayat topik, ayat huraian, ayat contoh, ayat kesan dan ayat penegasan isi (Nurul Aisyah Abdullah et al., 2016). Hal ini berpunca dari kelemahan murid dalam mengemukakan idea atau isi penting yang menjurus kepada kehendak soalan karangan. Berdasarkan permasalahan ini, sukar untuk murid membina kepelbagaiannya ayat yang membantu mereka mengolah karangan



dengan baik. Menurut Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod dan Nor Azwa Hanum Nor Shaid (2016), terdapat murid yang mengemukakan isi yang kabur dan kurang jelas yang sememangnya memberi kesan kepada pembinaan ayat dalam setiap perenggan terutama perenggan isi. Kelemahan ini menyebabkan murid tidak dapat menghasilkan karangan yang mantap dan seterusnya menjaskankan markah mereka.

Pemerenggan karangan yang tidak seimbang turut menjadi permasalahan murid dalam karangan. Murid tidak dapat mengembangkan setiap isi serta lemah dalam melahirkan ayat majmuk sehingga menjadikan pemerenggan isi pendek dan tidak sesuai (Ramlie Yaacob, 2017). Berdasarkan analisis percubaan SPM pada tahun 2020 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, kertas satu bahagian B di salah sebuah sekolah luar bandar di negeri Perak mendapati, kebanyakannya tahap karangan murid berada pada tahap memuaskan. Hanya segelintir murid sahaja mendapat markah cemerlang dan kepujian. Rumusan daripada analisis terbabit juga mendapati murid tidak dapat menghurai karangan melebihi jumlah perkataan yang telah ditetapkan seterusnya menjadikan pemerenggan karangan mereka tidak seimbang antara setiap perenggan. Ketidakmampuan murid dalam menyeimbangkan penulisan setiap perenggan menunjukkan ketidakmantapan sesebuah karangan jenis fakta yang telah dihasilkan.

Sebuah karangan yang baik memerlukan idea, pengolahan dan bahasa yang baik selain menepati tugas. Elemen ini menjadikan karangan tersebut mantap dan berkesan. Pendekatan guru dalam PdP karangan penting bagi memastikan murid dapat menghasilkan karangan yang memenuhi elemen dan aspek yang diperlukan seterusnya menghasilkan sebuah karangan yang baik. Oleh itu, PBP dapat menyelesaikan masalah mengarang murid berdasarkan justifikasi yang dilakukan terhadap kajian lalu.



PBP sudah diperkenalkan sejak lebih sedekad yang lalu dalam dunia pendidikan negara. Banyak kajian telah dijalankan yang membuktikan keberkesanan PBP dalam pengajaran bahasa. PBP mampu menangani masalah murid yang pasif dan seterusnya boleh meningkatkan inkiri murid sewaktu proses pembelajaran. Dapatan kajian Monica Laina Tonge dan Zamri Mahamod(2020) menunjukkan PBP mampu meningkatkan pencapaian murid dari aspek markah ujian penulisan, pengurangan dalam aspek masalah penulisan, serta penghasilan projek buku skrap yang menepati tugas dan kriteria penilaian. Dapatan mereka juga menunjukkan peningkatan minat murid dalam pembelajaran penulisan berdasarkan beberapa aspek seperti kebebasan murid dalam mencungkil kreativiti mereka. Murid juga lebih fokus dan mempunyai rasa ingin tahu yang mendalam tentang sesuatu perkara yang dipelajari selain mengambil bahagian secara aktif semasa PdP. Namun, menurut Monica Laina Tonge dan Zamri Mahamod (2020), kekangan waktu menyebabkan guru kurang menggunakan pendekatan projek dalam pengajaran mereka.

Kajian Yahya Othman dan DK. Suzanawaty (2014) terhadap keupayaan PBP dalam meningkatkan kemahiran menulis risalah turut mendapati PBP dapat meningkatkan keupayaan penulisan murid. Dapatan ini juga membuktikan PBP yang dilaksanakan di sekolah memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian karangan murid. Namun, waktu yang terbatas menyebabkan projek dihasilkan di rumah dan keadaan ini menyebabkan isu integriti murid menjadi permasalahan dalam menjalankan projek tersebut. Dalam kajian ini, pelaksanaan PBP adalah dengan menggunakan projek *Site123*. Projek *Site123* merupakan binaan projek murid menggunakan laman web dan murid menggunakan peranti sebagai alat untuk mengakses maklumat dan melengkapkan projek *Site123*. Menurut Marcia dan Lindqvist (2013), penggunaan



teknologi seperti ini sememangnya membantu menjimatkan masa murid dalam proses PdP selain menjadikan PdP menarik dan murid aktif sepanjang tempoh PdP tersebut. PBP dengan menggunakan kemudahan teknologi dapat menjimatkan masa selain dapat membantu guru dalam menilai hasil kerja murid dengan lebih mudah. Penekanan terhadap penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pendidikan Bahasa Melayu perlu diberi keutamaan seperti kemahiran berfikir, teknologi maklumat dan komunikasi agar PdP bahasa menjadi menarik dan berkesan (Zulkifli Osman, 2015).

Kesimpulannya, pelaksanaan PBP melalui projek *Site123* diharapkan dapat meyelesaikan masalah murid dalam mengarang karangan jenis fakta dan seterusnya membina suasana PdP yang menarik serta penggunaan masa yang optimum.



1.4 Objektif Kajian

Secara umum, kajian ini dijalankan untuk mengetahui keberkesanan pembelajaran berasaskan projek *Site123* terhadap pencapaian penulisan karangan fakta murid tingkatan empat. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap karangan murid sebelum dan selepas penggunaan pendekatan PBP *Site123* dalam kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan.
2. Mengenal pasti tahap karangan murid berdasarkan aspek wacana dan pemerengganan karangan sebelum dan selepas penggunaan pendekatan PBP *Site123* dalam kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan.





3. Menganalisis perbezaan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah seperti di bawah:

1. Apakah tahap karangan murid sebelum dan selepas penggunaan pendekatan PBP *Site123* dalam kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan?
2. Apakah tahap karangan murid berdasarkan aspek wacana dan pemerengganan karangan sebelum dan selepas penggunaan pendekatan PBP *Site123* dalam kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk mengkaji perbezaan skor karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan, hipotesis nol berikut digunakan:


1. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian penulisan karangan murid tingkatan empat bagi kumpulan kawalan dan rawatan.
2. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan empat bagi kumpulan kawalan.
3. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan empat bagi kumpulan rawatan.



4. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan murid tingkatan empat bagi kumpulan kawalan dan rawatan.

1.7 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini yang disesuaikan dengan pandangan Marilyn Cochran-Smith, M dan Zeichner, Ken (2005) dari buku *Studying Teacher Education: The Report Of Aera Panel On Research And Teacher Education*. PBP merupakan pembolehubah tidak bersandar, diikuti dengan tahap penulisan karangan dan perbezaan skor min karangan merupakan pembolehubah bersandar.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

Dalam kerangka konseptual ini, terdapat tiga pembahagian iaitu input, pengukuran dan output. Input dalam kajian merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh guru iaitu pendekatan PBP. Pengukuran akan dilihat berdasarkan skor markah karangan murid selepas menerima input. Output pula akan mengambil kira dua

aspek yang menjawab soalan dalam kajian ini iaitu melihat tahap penulisan karangan dan perbezaan min skor karangan murid.

1.8 Kepentingan Kajian

Bahagian ini menyatakan jangkaan awal pengkaji tentang hasil kajian dan antara sifat penting hipotesis adalah dapat menunjukkan hubung kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian, spesifik, jelas dan boleh diukur.

Secara umumnya, kajian ini penting bagi melihat sejauh mana keberkesanan pendekatan PBP terhadap pencapaian murid dalam penulisan karangan. Dua aspek

yang ingin dilihat iaitu tahap pencapaian karangan murid selepas menerima pendekatan ini dan skor yang diperoleh oleh murid melalui ujian yang dijalankan kepada mereka.

Pendekatan ini dijangka mampu meningkatkan tahap pencapaian karangan murid kerana kemampuan murid menulis karangan dengan matang dan mengeluarkan idea yang bernes. Melalui projek yang dihasilkan, murid akan meneroka sendiri maklumat-maklumat penting dan membacanya sebagai bahan untuk melengkapkan projek tersebut.

Melalui pembacaan yang meluas dari pelbagai sumber sama ada artikel, surat khabar, blog dan sebagainya akan mampu meningkatkan pengetahuan murid secara kendiri tanpa bergantung maklumat daripada guru semata-mata. Pembacaan aktif murid ini dijangka mampu membuka minda mereka untuk melihat dunia luar dengan lebih jelas dan mendekatkan mereka dengan sesuatu topik atau isu yang dibincangkan. Murid



juga akan lebih peka terhadap isu semasa dan seterusnya melahirkan hasil penulisan yang cemerlang dengan penggunaan pelbagai jenis ayat berserta kosa kata yang luas dan tepat. Hal ini sekali gus meningkatkan skor markah murid dalam karangan terutama karangan respons terbuka yang merangkumi isu terkini dan mutakhir.

Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid tingkatan empat daripada pelbagai bangsa dalam penulisan karangan fakta. Justeru, kajian ini dapat mencetuskan minat murid terhadap subjek Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan malah mereka mampu menghasilkan karangan jenis fakta yang berkualiti dan unggul sesuai dengan tututan zaman. Kajian ini juga dijangka dapat mengatasi masalah murid yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, prestasi yang merosot, murid pasif semasa PdP dijalankan, murid ponteng, dan banyak lagi masalah pendidikan pada masa kini.



Kewujudan teknologi maklumat dan komunikasi dalam era globalisasi telah membawa inovasi dalam gaya PdP dalam bilik darjah. Menyedari keadaan ini, seharusnya guru mengorak langkah seiring peredaran ledakan komunikasi dalam menjayakan hasrat pendidikan negara. PBP yang menggunakan multimedia mampu meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran berbahasa sekali gus meningkatkan kedudukan sekolah antara sekolah lain di daerah, negeri dan kebangsaan. Kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak sekolah tentang efektifnya pendekatan PBP dalam PdP terutama bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah yang wajar dalam menyediakan kelengkapan yang diperlukan oleh guru dan murid dengan tuntutan anjakan ketujuh Pelan



Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2012-2025. Kajian ini memberi gambaran tentang sistem pendidikan negara hari ini kepada masyarakat. Murid-murid dijangka lebih aktif dan bermotivasi untuk belajar kerana mereka diberi peluang secara bebas untuk menjalankan projek dengan menggunakan TMK. PBP akan memberikan informasi yang boleh mematangkan pemikiran murid, seterusnya membantu kepada penghasilan sesuatu yang baharu dengan daya cipta yang kreatif dan inovatif.

1.9 Batasan Kajian

Responden kajian terdiri daripada murid tingkatan empat dari salah sebuah sekolah menengah di Daerah Kampar, Perak. Responden ditentukan oleh pihak sekolah berdasarkan gred Bahasa Melayu Pentaksiran Tingkatan Tiga yang setara. Kaedah eksperimen kuasi telah digunakan dalam kajian ini. Analisis data dijalankan secara inferensi yang melibatkan eksperimen dan berstatistik.

Pendekatan pembelajaran yang digunakan ialah pendekatan PBP. Projek yang dihasilkan ialah *Site123* iaitu laman web yang boleh menempatkan maklumat mengenai diri dan maklumat lain yang berinformasi untuk pengguna dalam alam maya. Komputer dan internet sudah tersedia di sekolah, maka murid menggunakan internet untuk membina *Site123*mereka tersendiri secara berpasangan. Mereka mencari maklumat dalam laman sesawang berkaitan topik yang ingin dibincangkan dan mengisi *Site123* dengan maklumat tersebut .



Kajian ini memberi fokus kepada salah satu aspek kemahiran bahasa iaitu kemahiran menulis. Penilaian akan dilihat berdasarkan penulisan karangan bahagian B iaitu item subjektif respons terbuka yang memerlukan sebanyak 70 markah. Penulisan karangan merupakan suatu aktiviti yang perlu dikuasai oleh semua murid. Menghasilkan eseи yang lengkap perlu seiring dengan daya kognitif yang tinggi bagi menjana idea yang berasas. Karangan yang berkualiti terdiri daripada penggunaan wacana yang lengkap dan gramatis, kepelbagaiannya laras bahasa dan jenis ayat, idea menepati tema dan relevan serta pemerengganannya yang seimbang.

Karangan fakta merupakan salah satu item pilihan dalam bahagian B kertas satu Bahasa Melayu, SPM. Karangan fakta merujuk kepada karangan yang diolah untuk menerangkan sesuatu peraturan, proses kejadian sesuatu perkara atau peristiwa dan menerangkan peranan seseorang. Karangan fakta juga ditulis untuk memberi petunjuk dan arahan serta menerangkan sesuatu kaedah atau ciptaan. Sebuah karangan fakta yang menarik menggunakan wacana yang lengkap, kepelbagaiannya jenis ayat dan pemerengganannya yang seimbang. Tema atau kata kunci daripada soalan menjadi teras dalam olahan dan pembinaan pendahuluan bagi karangan jenis fakta. Isi-isi harus jelas tersusun dan mempunyai kesinambungan antara satu isi dengan isi yang lain. Kesimpulan dan penutup karangan diolah secara rumusan keseluruhan karangan dan digalakkan memberikan unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni. Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada aspek wacana yang lengkap dan pemerengganannya yang seimbang.





1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini merupakan aspek penting dalam sesebuah kajian. Pengkaji menggunakan definisi operasional sebagai landasan dalam mengoperasi beberapa istilah dan konsep utama dalam kajian. Definisi operasional dalam kajian ini dapat dijelaskan seperti berikut:

1.10.1 Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merupakan proses menggunakan simbol visual yang bertujuan sebagai alat perhubungan. Murid yang mahir menulis ialah mereka yang mempunyai keupayaan dalam menulis perkataan dan menjana idea melalui pelbagai jenis medium penulisan. Hal ini lazimnya berkait rapat dengan ilmu pengetahuan yang ada dalam diri dan pengalaman peribadi yang dilalui sepanjang hidup mereka. Penggunaan tanda baca yang tepat, ayat yang gramatis dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas diberikan penekanan dalam kemahiran menulis (*Kurikulum Standard Sekolah Menengah*, 2018). Dalam kajian ini, kemahiran menulis adalah berdasarkan keupayaan murid menulis karangan jenis fakta yang panjangnya antara 350 patah perkataan hingga 500 patah perkataan.





1.10.2 Penulisan Karangan Fakta

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang penting dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, selain beberapa kemahiran bahasa yang lain. Dalam konteks kurikulum, terdapat beberapa penilaian yang boleh dikaitkan dengan kemahiran menulis. Kemahiran menulis karangan merupakan salah satu pentaksiran yang perlu dinilai oleh guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Terdapat beberapa jenis karangan yang perlu ditaksir. Salah satu karangan yang diuji kepada murid ialah karangan jenis fakta. Karangan jenis fakta memberi fokus kepada keupayaan murid mengembangkan buah fikiran bagi menjana isi, mengolah ayat dengan pemerenggan yang seimbang dan menggunakan wacana yang lengkap dalam penulisan karangan. Topik karangan dalam latihan dan peperiksaan merangkumi empat domain pembelajaran yang utama iaitu domain peribadi, awam, pendidikan dan kerjaya. Justeru, dalam menjana isi penting atau idea dalam karangan, selain menghuraikan fakta, murid perlu diajar dengan pelbagai pendekatan yang kreatif dan inovatif (Adenan Ayob, 2015). Dalam kajian ini, karangan fakta memerlukan murid menghuraikan isu-isu berkaitan domain pembelajaran sama ada secara berformat atau tidak berformat. Huraian karangan juga perlu sekurang-kurangnya lima perenggan yang merangkumi pengenalan karangan, huraian tiga isi utama dan kesimpulan.

1.10.3 Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

PBP merupakan pembelajaran yang berfokuskan tugas amali secara terancang dan sistematik dalam jangka masa tertentu yang kebiasaannya melibatkan kutipan, analisis



data dan penyediaan laporan betul dan tepat (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012). Terdapat ciri-ciri utama dalam PBP iaitu:

1. Boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan.
2. Penilaian yang lengkap bermula daripada tahap proses hingga tahap hasil.
3. Wujud integrasi antara pengetahuan dengan aktiviti.
4. Dalam tahap proses, wujud interaksi antara guru dengan murid yang berupa bimbingan dan perundingan.
5. Guru menjelaskan prosedur pelaksanaan yang lengkap.
6. Wujud aktiviti pengumpulan data dan pemprosesan bahan, maklumat dan data serta pelaporan hasil dan refleksi kendiri.
7. Sesuai dengan kurikulum dan aras murid.
8. Berasaskan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan kebolehan murid.

Dalam kajian ini, PBP merupakan pendekatan pengajaran yang diterapkan dalam rancangan pengajaran harian (RPH). Projek yang dijalankan adalah secara berpasangan oleh murid. Langkah melaksanakan projek disusun dalam rancangan pengajaran bagi mencapai objektif yang ditetapkan dan berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT). Projek yang dihasilkan murid ialah *Site123* yang memerlukan murid menggunakan teknologi maklumat pada masa kini. Mereka perlu mencipta akaun bagi aplikasi ini dan meneroka maklumat daripada pelbagai laman sesawang untuk dimuatkan dalam *Site123*mereka.



1.10.4 Pembelajaran Konvensional

Dalam kajian ini, pembelajaran konvensional yang digunakan semasa PdP bagi kumpulan kawalan adalah merujuk kepada PdP yang berpusatkan kepada guru. Guru tidak menggunakan sebarang bentuk intervensi atau pendekatan dalam fasa PdP melainkan menyampaikan maklumat secara satu hala antara guru dan murid. Pembelajaran konvensional memberi fokus kepada penerangan guru dan pembahagian tugas serta latihan kepada murid. Tugas murid adalah mendengar dan mencatat maklumat yang disampaikan oleh guru.

1.10.5 Tahap Pencapaian Karangan



Dalam kajian ini, tahap pencapaian karangan merujuk kepada pentaksiran karangan respons terbuka iaitu karangan jenis fakta. Terdapat tujuh tahap atau peringkat karangan yang dikategorikan berdasarkan markah yang diperoleh oleh murid. Markah penuh bagi karangan respons terbuka iaitu bahagian B ialah 70 markah. Murid yang mendapat markah 60 hingga 70 markah dikategorikan dalam peringkat atau tahap cemerlang. Markah 50 hingga 59 berada pada tahap kepujian. Markah 40 hingga 49 berada pada tahap baik. Markah 30 hingga 39 berada pada tahap memuaskan. Markah 20 hingga 29 berada pada tahap kurang memuaskan. Markah 10 hingga 19 berada pada tahap pencapaian minimum manakala markah 01 hingga 09 pula tidak mencapai tahap pencapaian minimum.





1.10.6 Perbezaan Pencapaian Karangan

Dalam kajian ini, perbezaan pencapaian karangan merujuk kepada perbezaan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Perbandingan skor markah karangan murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan melibatkan kedua-dua ujian akan dianalisis bagi menjawab soalan kajian yang ketiga.

1.11 Rumusan

Fokus kajian ini adalah dengan memberi tumpuan kepada keberkesanan pendekatan

PBP *Site123* terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Jenis Fakta Murid Tingkatan



Empat. Suasana pembelajaran aktif diwujudkan menerusi pendekatan PdP yang merangsang murid melibatkan diri dalam penerokaan dan penghasilan projek. Kajian ini mengemukakan tujuan kajian dan permasalahan yang dikenal pasti dalam penulisan karangan murid. PBP merupakan pendekatan yang sangat signifikan terhadap perkembangan kurikulum standard sekolah menengah (KSSM). Kajian ini turut menjadi pemangkin dalam merealisasikan dasar pembangunan negara serta selari dengan pembelajaran abad ke-21.

